

# S'pura ingin WTO teroka cara lain hurai hambatan rundingan dagang

Oleh **NORHAIZA HASHIM**  
*norhaiza@sph.com.sg*

MENTERI Negara (Perdagangan dan Perusahaan), Encik Lee Yi Shyan, memberi amaran bahawa dunia sedang berada dalam titik ancaman berlakunya kemelesetan ekonomi yang boleh meningkatkan kemungkinan negara-negara mengamalkan dasar perlindungan bagi melindungi ekonomi mereka.

Justeru, penting bagi Sidang Menteri bagi Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO) Disember ini berjaya menyediakan panduan bagi WTO memulakan tahun baru secara produktif.

Ini terutama bagi Agenda Pembangunan Doha (DDA) dan menangani isu serta cabaran yang dihadapi pertubuhan itu.

Encik Lee berkata demikian dalam Dialog Dasar WTO yang diadakan di Hotel Grand Copthorne semalam dan dihadiri oleh para pegawai pemerintah serantau.

Dialog itu diadakan sejajar dengan pelancaran Program Pengerusi WTO di Singapura oleh WTO, Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Pusat Undang-Undang Antarabangsa (CIL) kelmarin.

"Singapura, seperti negara lain, kecewa apabila rundingan DDA tidak dapat mencapai kata sepakat setelah berunding selama 10 tahun.

"Mencapai kata sepakat itu dapat menyediakan pakej rangsangan yang diperlukan bagi ekonomi dunia," jelas Encik Lee.

Beliau menambah bahawa WTO boleh meneroka cara lain bagi menangani hambatan akibat tersekatnya DDA.

"Adakah perlu kita mengurangkan kesukaran rundingan dagangan dengan mengecilkan jumlah isu agar rundingan dapat mencapai kata sepakat dengan lebih pantas? Bagaimanakah kita memastikan isu-isu itu dipilih?" tanyanya.

Seperti negara lain, Singapura bergantung pada WTO yang kukuh bagi memastikan sistem dagangan berbilang berdasarkan undang-undang.

Ketua Pakar Ekonomi WTO, Dr Patrick Low, berkata dialog yang diadakan di Singapura itu bertujuan membincangkan keadaan sekarang yang berkaitan dengan pusingan Doha dan meneliti aspek agenda dagangan kontemporari.

Antara isu itu termasuk penyejagatan dan perjanjian dagangan terpilih, hubungan perubahan cuaca terhadap dasar dagangan, keselamatan dan harga makanan, hambatan dagangan bukan tarif dan dagangan komoditi.

Pengerusi WTO Singapura yang baru dilantik, Profesor Madya Michael Ewing-Chow, daripada Fakulti Undang-Undang NUS berkata dialog di Singapura yang dihadiri sekitar 50 anggota dari pelbagai negara di rantau ini dan pakar-pakar dari seluruh dunia itu akan dapat berbincang dan memahami isu-isu dan cabaran yang dihadapi berhubung dengan rundingan dagangan secara tidak rasmi.